

Kemahiran Menulis

SP 3.7.1 - Mengedit ejaan, tanda baca dan kesalahan nahu yang mudah dengan betul tanpa mengubah maksud awal ayat.

Arahan : Betulkan kesalahan yang bergaris dalam petikan di bawah.

Pemimpin Berintegriti Tonggak Utama Kesejahteraan Negara

Integriti ialah kejujuran atau suatu kualiti **ungul** yang ada pada seseorang individu atau sesebuah organisasi serta **berkaitrapat** dengan etika. Pemimpin berintegriti pula dapat didefinisikan sebagai pemimpin yang akan mempertahankan nama baiknya daripada sebarang bentuk penyelewengan. Oleh sebab itu, seseorang pemimpin negara haruslah mempunyai sikap integriti kerana mereka merupakan individu penting terhadap tampuk pemerintahan sesebuah negara.

Pemimpin yang berintegriti boleh dilihat melalui sikap tidak menyalahgunakan kuasa yang dimiliki untuk kepentingan diri sendiri, kawan-kawan, atau **sanak-saudara**. Seorang pemimpin seharusnya memberi keutamaan kepada kepentingan awam. **Selain itu** pemimpin yang berintegriti akan memikul tanggungjawab dengan penuh ketelusan dan ketulusan. Hal ini demikian kerana sebagai seorang pemimpin yang telah **rakyat beri kepercayaan**, sikap integriti akan menjadikan mereka lebih diyakini dari segi keupayaan dan keikhlasan dalam mentadbir negara oleh golongan **marhen**.

Justeru, sikap integriti dapat mengelakkan timbulnya kejadian yang tidak diingini seperti tunjuk perasaan dan kekacauan yang mampu **mengganggu** ketenteraman, keamanan serta kesejahteraan negara. **Intihanya** seorang pemimpin haruslah mengamalkan sikap berintegriti dalam diri mereka bagi menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan dengan lebih baik dan berkesan agar dapat menjadi suri teladan kepada masyarakat.

Kesalahan	Pembetulan
1. ungul	
2. berkaitrapat	
3. sanak-saudara	
4. Selain itu	
5. Rakyat beri kepercayaan	
6. marhen	
7. mengganggu	
8. Intihanya	